

Tiga kriteria untuk ketua perwakilan

GENTING HIGHLANDS, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan tiga kriteria utama yang mesti diamalkan oleh ketua perwakilan Malaysia iaitu penguasaan bahasa Inggeris, menonjolkan imej positif negara dan memahami dasar ekonomi, bagi memastikan keunggulan Malaysia di arena antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, tiga kriteria itu mesti diberi penekanan kerana kini Malaysia menghadapi cabaran serta persaingan hebat dunia luar.

“Kegagalan mempraktikkannya akan memberi banyak kesan negatif selain menjejaskan reputasi kerajaan dan negara,” katanya berucap pada mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia, di sini, hari ini.

Mesyuarat enam hari itu dihadiri lebih 70 ketua perwakilan Malaysia iaitu duta, pesuruhjaya tinggi dan konsular. Ia bertujuan mendedahkan mereka secara mendalam mengenai keutamaan dasarnegara menghadapi perubahan pada masa akan datang.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; timbalannya, Datuk Dr Fadzil Che Wan; Ketua Setiausaha, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Dr Mahathir berkata, penguasaan bahasa Inggeris secara mendalam di kalangan ketua-ketua perwakilan penting kerana ia menjadi bahasa perantara sama ada dalam urusan rasmi atau tidak rasmi.

“Sebagai wakil Malaysia di luar negara, setiap perwakilan perlu menguasai bahasa Inggeris secara mendalam bagi membo-

lehkan perbincangan berkesan dalam pelbagai bidang, termasuk penyediaan sebarang perjanjian.

“Selain untuk urusan rasmi, penguasaan bahasa Inggeris juga penting dalam perbincangan tidak rasmi dan ini menentukan imej negara. Lagi pun sebarang teks perjanjian disediakan dalam bahasa Inggeris,” katanya.

Selain itu, katanya, penguasaan bahasa lain seperti Perancis dan Arab juga perlu bagi ketua perwakilan terutama yang ditugaskan di negara terbahit.

Oleh itu, beliau mahu setiap ketua perwakilan menerapkan budaya rajin membaca dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Dr Mahathir menegaskan setiap ketua perwakilan perlu membentuk dan menonjolkan imej positif Malaysia di luar negara selaras usaha negara mengetengahkan ketrampilan di peringkat antarabangsa.

“Dalam hal ini, setiap perwakilan perlu mahir pengetahuan mengenai negara ini, politik serta sistem ekonominya.

“Penguasaan dalam bidang ini membolehkan ketua perwakilan terbabit memberi penjelasan kepada masyarakat luar negara secara berkesan kerana menjadi tanggungjawab utama mereka memberi gambaran sebenar,” katanya.

Mengenai ekonomi, Perdana Menteri mahu ketua-ketua perwakilan Malaysia memahami konsep Persyarikatan Malaysia, ekonomi negara dan komitmen kerajaan ke arah membentuk pertumbuhan ekonomi mapan.

Serentak itu, beliau meminta ketua perwakilan menjelaskan kepada ne-

gara tempat mereka ditugaskan bahawa negara ini mengamalkan kerjasama sektor awam dan swasta dalam menggerakkan ekonomi.

“Sebab itulah kita sering menekankan pentingnya setiap pegawai kerajaan bekerjasama dengan sektor swasta kerana kita mengakui swasta banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

“Jika sesebuah syarikat mengalami kerugian, kerajaan juga tidak memperoleh pendapatan akibat pengurangan dari segi kutipan cukai,” katanya.

Menurutnya, kutipan cukai itu turut digunakan oleh kerajaan untuk membayar gaji kakitangan perkhidmatan awam.

Dalam pada itu, Dr Mahathir mahu ketua perwakilan Malaysia membantu usahawan tempatan yang ingin meneroka perniagaan di luar negara. Ia boleh dilakukan menerusi penyediaan maklumat serta mengatur temu janji dengan rakan usaha sama di luar negara.

Perdana Menteri juga mahu ketua perwakilan menjelaskan kepada dunia luar bahawa tidak berlaku sebarang pencabulan hak asasi manusia di negara ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, selain tiga kriteria berkenaan setiap ketua perwakilan juga penting mengetahui isu berkaitan hak asasi manusia dan isu pekerja sosial.

“Saya menegaskan perkara ini kerana kita khawatir mereka yang baru (bekerja di luar negara) kurang mahir dan kurang keyakinan terhadap diri sendiri walhal negara kini dalam proses membina sebuah negara terkenal di peringkat antarabangsa,” katanya.